

**Bil. 23**

**Selasa**

**23 Oktober 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Sosial dan Gejala Lumba Haram  
di Lebuhraya Butterworth-Kulim Expressway (BKE)**  
- *YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (Permatang Pauh)* [Halaman 1]
- **Isu Penculikan Pertama di Perairan Pulau Gaya,  
Semporna Selepas Tahun 2016**  
- *YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam)* [Halaman 4]

**MALAYSIA**  
**KAMAR KHAS**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Selasa, 23 Oktober 2018**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**  
**DOA**  
*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)*  
*mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL**  
**BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Sosial dan Gejala Lumba Haram**  
**di Lebuhraya Butterworth-Kulim Expressway (BKE)**

**2.34 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, gejala sosial dan lumba haram melibatkan golongan muda di Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE) kian membimbangkan pengguna jalan raya yang menggunakan laluan ini dari Kulim, Penanti dan Seberang Jaya. Aktiviti lumba haram sering berjalan pada malam hujung minggu, melibatkan kira-kira 100 buah motosikal dengan pelbagai aksi menggerunkan. Keadaan ini membahayakan nyawa penunggang sendiri serta pengguna lebuhraya yang lain dan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sering kali melakukan rondaan serta sekatan jalan raya, bermula pada tahun 2012 dengan siri-siri operasi yang dilaksanakan. Namun sehingga kini, gejala ini masih berlarutan.

Pada 12 Ogos 2018 yang baru berlalu, pihak PDRM telah menahan seramai 10 orang lelaki berusia 16 hingga 24 tahun, termasuk seorang pelajar Tingkatan 4 yang menggunakan BKE sebagai lokasi lumba haram. Penahanan ini dilakukan oleh PDRM dalam Operasi Khas Samseng Khas Jalanan di kawasan tersebut. Lebih membimbangkan lagi, pihak berkuasa turut menahan seorang remaja berusia 15 tahun yang tidak bersekolah dan terlibat dalam jenayah curi motosikal dalam operasi yang

sama. Perkara ini memperlihatkan bahawa usaha membasmi gejala lumba haram harus diberikan perhatian sepenuhnya oleh pihak kerajaan, negeri dan juga komuniti bagi diteruskan dan diuruskan bersama.

Isu lumba haram di BKE sebenarnya sudah wujud sejak sekian lama, sejak pembukaan lebuh raya ini pada tahun 1996. Justeru, pihak Parlimen Permatang Pauh memohon cadangan sokongan kementerian dalam mendapatkan kelulusan Menteri Belia dan Sukan untuk menyediakan lokasi mahupun tempat (litar) untuk golongan ini berkumpul dan beraktiviti di kawasan yang sesuai di bawah pengawasan pihak berwajib.

Penyediaan lokasi litar buat golongan muda sudah diwujudkan di beberapa kawasan, negeri Kedah dan negeri Terengganu. Melalui pendekatan serupa, masalah sosial dalam kalangan anak muda setempat dan risiko keselamatan kepada pengguna Lebuhraya BKE *insya-Allah* dapat dikurangkan. Saya juga menyeru pihak kerajaan agar menjalankan kajian dan membentuk dasar pembangunan belia bermasalah melalui kerjasama ibu bapa, komuniti serta pihak berkuasa demi membantu golongan remaja yang terlibat dengan gejala kurang sihat termasuklah lumba haram. Sekian, terima kasih.

### **2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan soalan yang diberikan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Permatang Pauh. Gejala sosial dan lumba haram melibatkan golongan muda di Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE) sebagaimana yang telah disoal sebentar tadi.

Dalam konteks Polis Diraja Malaysia (PDRM), pendekatan yang diambil terhadap aktiviti "Mat Rempit" ataupun gejala lumba haram lebih menjurus kepada tindakan penguatkuasaan undang-undang khususnya di bawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 atau di bawah akta-akta lain yang berkaitan. Antara tindakan yang diambil meliputi:

- (i) menangkap dan mendakwa penunggang di bawah seksyen 42(1), Akta Pengangkutan Jalan 1987 atau di bawah seksyen 279 Kanun Keseksaan;
- (ii) merampas dan menyita motosikal yang diubahsuai atau apa-apa kesalahan lain di bawah seksyen 64 APJ 1987. Motosikal yang disita boleh ditahan selama tiga bulan dan dalam tempoh tersebut pemunya berdaftar boleh menuntut kembali motosikalnya;

- (iii) tindakan terhadap pemunya berdaftar yang membenarkan motosikalnya digunakan oleh individu yang tidak berlesen atau motosikal tersebut tidak mempunyai cukai jalan di bawah seksyen 23 Akta Pengangkutan Jalan dan seksyen 51 Akta Pengangkutan Jalan 1987; dan
- (iv) ujian air kencing dan pengaruh alkohol yang mana tindakan di bawah seksyen 45A, Akta Pengangkutan Jalan atas kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol dan di bawah seksyen 51(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 atau seksyen 3 Akta Penagih Dadah atau seksyen 36(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 yang didapati positif ujian air kencing.

Berkaitan kegiatan “Mat rempit” di Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE) dilakukan oleh penunggang motosikal dari kalangan remaja tempatan yang tinggal di sekitar lebuhraya tersebut. Aktiviti ini aktif pada hujung minggu dan cuti umum. Mereka melakukan aktiviti berlumba sesama sendiri untuk menduga kelajuan motosikal masing-masing. Anggaran motosikal yang terlibat melakukan aktiviti-aktiviti tersebut pada satu-satu masa adalah dalam sekitar 100 buah kenderaan. Aktiviti ini bukan merupakan sesuatu yang terancang atau bersindiket, tetapi sekadar berlumba sesama sendiri bagi mencari keseronokan atau mendapatkan status “jaguh” di kalangan rakan-rakan sebaya.

Kementerian menyambut baik cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dalam usaha untuk mengatasi masalah sosial di kalangan anak muda dengan membentuk dasar pembangunan belia bermasalah melalui kerjasama ibu-bapa, komuniti dan pihak berkuasa. Ini dapat membantu golongan remaja yang terlibat dengan gejala kurang sihat termasuk lumba haram. Di samping tindakan penguatkuasaan dilakukan, aktiviti dan program yang sesuai dapat dilakukan bagi mengurangkan aktiviti yang tidak sihat ini.

Kementerian turut menyokong penuh dengan cadangan untuk membina litar khas di setiap negeri kerana usaha ini bukan saja dapat mengurangkan gejala lumba haram di jalan-jalan awam yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain, tetapi langkah ini juga dilihat dapat melahirkan pelumba yang berbakat dalam sukan pemotoran dalam negara dan juga boleh mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Kementerian mencadangkan agar Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk menjadikan sukan pemotoran sebagai program podium yang diletakkan di bawah Majlis Sukan Negara (MSN). Sekian dan terima kasih.

■1440

**Isu Penculikan Pertama di Perairan Pulau Gaya,  
Semporna Selepas Tahun 2016**

**2.40 ptg.**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 11 September 2018, media melaporkan satu kejadian penculikan terbaru di perairan Semporna, Sabah. Kejadian tersebut telah berlaku di perairan Pulau Gaya, Semporna antara jam 12 tengah malam hingga 1 pagi pada 11 September 2018 dan ianya dipercayai dilakukan oleh kumpulan penculik untuk tebusan atau KFR dari Filipina.

Seperti mana yang diketahui umum, Semporna terletak di bawah penguatkuasaan perintah berkurung yang ketat serta dipantau oleh badan penguat kuasa *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM).

Berikutan daripada kejadian ini, saya berasa bimbang kerana ianya merupakan kes penculikan pertama dalam tempoh dua tahun ini. Kejadian seumpama ini pernah berlaku pada tahun 2016 di perairan yang sama. Dengan ini, saya ingin memohon beberapa pencerahan daripada kerajaan mengenai persoalan-persoalan seperti berikut:

- (i) apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan bagi memperketatkan lagi kawalan dan perlindungan keselamatan di kawasan perairan Pantai Timur Sabah. Perkara ini mesti diberi perhatian sewajarnya apatah lagi apabila Kerajaan Negeri Sabah yang baharu ini telah membatalkan pengharaman penggunaan bot pam atau '*pump boat*', dengan izin. Saya juga ingin mengingatkan bahawa bot pam, seperti mana sebelum ini kekal menjadi pilihan utama pihak-pihak tertentu di kawasan terbabit untuk menjalankan aktiviti penyeludupan, pengeboman ikan, pemerdagangan manusia dan lain-lain kegiatan jenayah rentas sempadan di atas laut. Pengharaman bot pam adalah keputusan yang tepat dan ia tidak sepatutnya ditarik balik. Justeru, susulan daripada tindakan Kerajaan Negeri Sabah baharu ini, apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan lagi keberkesanan ESSCOM dalam melindungi perairan Pantai Timur Sabah;
- (ii) apakah hasil siasatan kerajaan berhubung kes penculikan ini yang berlaku dua tahun selepas insiden terakhir. Saya mencadangkan agar pihak kerajaan mengemukakan satu kertas putih di Parlimen supaya kesemua Ahli Yang Berhormat mengetahui situasi sebenar kedaulatan negara di perairan Pulau Gaya, Semporna yang sekali lagi dicerobohi;
- (iii) memandangkan Kerajaan Persekutuan yang baharu bakal membentangkan Bajet

2019 pada 2 November 2018, maka saya ingin mengetahui sama ada peruntukan tambahan yang akan disalurkan kepada ESSCOM bagi mencegah kes-kes jenayah merentasi sempadan dan mempertingkatkan kawalan keselamatan negara di sempadan terutamanya di Sabah dan negeri-negeri di Pantai Timur atau utara Semenanjung Malaysia; dan

- (iv) bajet sebelum ini sebenarnya amat mementingkan strategi '*seabasing*' yang mampu mengintegrasikan kesemua operasi '*deployment, assembly, command, projection, reconstitution, and reemployment*' dengan izin, bagi memastikan keselamatan maritim negara terpelihara dan respons kecemasan yang lebih cepat serta '*real-time*'. Adakah kerajaan akan meneruskan strategi ini atau bakal digantikan dengan strategi cegah rintang yang berbeza. Saya minta kerajaan memberikan penjelasan kerana ianya melibatkan kedaulatan dan keselamatan negara kita. Sekian, terima kasih.

#### **2.44 ptg.**

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]:** Sekali lagi terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Ayer Hitam. Tuan Yang di-Pertua, berhubung langkah-langkah keselamatan yang sedang serta telah diambil dan akan diteruskan oleh ESSCOM bagi memperketatkan lagi kawalan dan perlindungan keselamatan di perairan Pantai Timur Sabah adalah seperti berikut:

- (i) perolehan maklumat ancaman keselamatan sama ada ancaman dalaman atau luaran dan kerjasama dengan pihak negara jiran terutama negara Filipina akan dipertingkatkan;
- (ii) rondaan-rondaan keselamatan di perairan akan diperkasakan. Ini akan melibatkan perbelanjaan kewangan yang agak besar untuk bahan api dan pembaikan aset;
- (iii) operasi-operasi yang berbentuk pencegahan seperti Operasi Bersepadu akan dipertingkatkan terutama di kawasan penempatan pendatang tanpa izin;
- (iv) program advokasi keselamatan kepada kumpulan komuniti yang terdedah kepada ancaman penjenayah rentas sempadan seperti penggiat aktiviti ekonomi, pelancongan dan hasil laut, nelayan-nelayan tempatan, pemilik kapal-kapal dagang akan diteruskan dan diperbanyakkan;

(v) perintah berkurang di beberapa buah daerah di ESSZONE dikekalkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita sedia maklum bahawa perairan di kawasan Pantai Timur Sabah khususnya di kawasan ESSZONE dan ESSCOM ini merupakan satu kawasan yang cukup luas melebihi 1,400 kilometer panjang. Satu kawasan yang cukup luas. Kerajaan Negeri Sabah yang baharu telah membatalkan pengharaman penggunaan '*pump boat*' ataupun bot pam. Walau bagaimanapun, kerajaan sedang mengkaji pendekatan yang baik bagi mengatasi masalah ini kerana mengambil kira tentang budaya hidup dan mata pencarian nelayan-nelayan kecil yang banyak bergantung kepada pengangkutan ini.

Sebagai contoh, kalau kita lihat yang menculik ini satu orang tetapi yang menggunakan *pump boat* ini beribu orang. Jadi sebab itu setelah meneliti hasil daripada permintaan daripada nelayan-nelayan yang menggunakan mekanisme ini untuk mencari mata pencarian. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri Sabah telah membatalkan pengharaman *bot pump* ini. Walau bagaimanapun, kita juga sekarang ini mencadangkan kepada kerajaan negeri, agar pengharaman ini walaupun diharamkan, ia hanya khusus di kawasan yang terdedah kepada penculikan tetapi di Pantai Barat negeri Sabah contohnya yang tidak pernah berlaku penculikan dibenarkan penggunaan *pump boat* ini. Ini merupakan di antara cadangan yang kita bawakan kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Berkenaan hasil siasatan ESSCOM berhubung kes penculikan yang berlaku pada 11 September 2018 di perairan Pulau Gaya, Semporna. Semua kapal menangkap ikan (*fishing trawler*), dengan izin, milik Syarikat Dwijaya telah dinaiki sekumpulan Penjenayah Rentas Sempadan ataupun pendatang tanpa izin Filipina. Seramai dua orang anak kapal (warganegara Indonesia) telah diculik oleh kumpulan penjenayah tersebut. Kumpulan penjenayah telah membawa kedua-dua mangsa culik ke Sulu, Filipina dan sekarang ini di bawah kawalan Kumpulan Abu Sayaf (ASG).

Kumpulan penculik ini telah menghubungi isteri Juragan di Sulawesi dan menuntut sebanyak RM4 juta sebagai wang tebusan. Penjenayah terlibat merupakan penduduk di Kepulauan negara Filipina yang berhampiran Semporna telah memasuki kawasan perairan dan seterusnya berada di kawasan ESSZONE dengan menyamar sebagai pendatang tanpa izin biasa. Tindakan untuk memintas penculik cuma dapat dijalankan setelah dua jam kejadian berlaku selepas dua orang anak kapal yang tidak diculik setelah keluar dari persembunyian di dalam kapal tersebut menghubungi majikan mereka.

Dalam tempoh dua jam tersebut, penjenayah dan mangsa culik telah pun berada di negara Filipina iaitu jarak tempat kejadian ke sempadan perairan antarabangsa hanyalah lebih kurang 17 batu nautika. Kapal menangkap ikan tersebut juga tidak memiliki *automated*

*identification system* (AIS) yang membolehkan kapal dikesan ketika berada di perairan. Selain itu penjenayah turut merosakkan alat komunikasi kapal sebelum beredar.

Oleh sebab itu, dicadangkan agar kerajaan mempertimbangkan supaya penggunaan sistem AIS dapat dikuatkuasakan kepada semua kapal nelayan yang berada di negara kita. Hasil daripada maklumat pada 20 September 2018, ESSCOM telah melancarkan operasi di kawasan Kunak dan berjaya menembak dua orang pendatang tanpa izin warga Filipina yang merupakan dan telah dikenal pasti sebagai tali barut dan pemberi maklumat kepada kumpulan penculik yang berasal dari negara Filipina.

Yang Berhormat telah mencadangkan satu kertas putih untuk dikemukakan bagi mengetahui situasi sebenar kedaulatan negara di perairan Pulau Gaya, Semporna yang sekali lagi dicerobohi. Walau bagaimanapun, kementerian berpandangan, tidak wujud keperluan buat masa ini untuk diadakan satu kertas putih memandangkan kes yang berlaku baru-baru ini tidak menggugat keselamatan negara.

Bagi isu ketiga, berhubung peruntukan tambahan bagi mencegah kes-kes jenayah merentasi sempadan dan mempertingkatkan kawalan keselamatan negara di sempadan, saya menyokong dan bersetuju kerana ia amat diperlukan ketika ini untuk perbelanjaan penugasan pengoperasian keselamatan semasa di ESSZONE dan perbelanjaan aktiviti perisikan.

Bagi persoalan sama ada KDN akan meneruskan strategi ini atau bakal diganti dengan strategi cegah rintang yang berbeza, ESSCOM mencadangkan supaya strategi mengujudkan *forward operation base* (FOB), dengan izin, di beberapa buah pulau yang terdapat di sekitar perairan Pantai Timur Sabah.

#### ■1450

Selain menempatkan anggota Pasukan Keselamatan dan aset tempur, FOB ini juga akan dilengkapi dengan peralatan radar pengesan, peralatan *drone*, peralatan komunikasi dan infrastruktur keselamatan yang bersesuaian dengan pulau tersebut seperti *jetty* dan *helipad but of course*, dengan izin, ia memerlukan perbelanjaan yang cukup besar dan sebab itu kita berharap agar kerajaan mempertimbangkan agar peruntukan yang secukupnya dapat diberikan kepada Kementerian Dalam Negeri menerusi ESSCOM ini untuk kita menyediakan semua infrastruktur yang telah disebutkan sebentar tadi. Sekian dan terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Rabu, 24 Oktober 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.51 petang]***